Cheatography

Fiqh Muamalat A Cheat Sheet

by Adilah via cheatography.com/123317/cs/23210/

Prinsip al-Qard al-Hasan

-**Pinjaman yang baik**, ia merupakan keperihatinan seseorang untuk melakukan kebajikan terhadap saudaranya

-Ianya dikira sebagai riba`

-Islam mengha-ramkan sebarang bentuk pinjaman wang yang dikenakan faedah atau tambahan nilai

Dalil Pensyari`atan Qard al-Hasan

إِنْ تُقْرِضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُضَاعِفْهُ لَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ وَاللَّهُ شَكُورٌ حَلِيم

“Jika kamu meminjamkan kepada Allah dengan pinjaman yang baik (qardan hasanan) nescaya Allah melipat-gandakan (pembalasannya) kepadamu dan mengam-punimu” (At-Taghaabun:17)

Konsep pinjaman menurut perspektif Islam

-Menurut Islam, Islam tidak menggalakkan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan terutama sekali bagi tujuan yang melebihi keperluan asas kehidupan.

-Budaya suka berhutang sebegini amat ditegah oleh Islam kerana agama yang mulia ini menganjurkan umatnya menjalani kehidupan secara wasatiyyah atau bersed-erhana dan mengutamakan sikap qana'ah.

Rukun, hukum dan objektif pinjaman

Bahagian konsep pinjaman dalam Islam

al-'Ariyah	al-Qard
- Pinjaman barangan atau harta oleh pemberi pinjaman kepada peminjam bagi tujuan penggunaan manfaat barang atau harta tersebut secara percuma	-Pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barangan atau komoditi yang boleh dianggarkan dan diganti mengikut bilangan, sukatan atau timbangan
-Pinjaman barangan atau benda yang tidak musnah apabila digunakan yang boleh dikemb-alikan dalam keadaan asal misalnya kereta, telefon bimbit, baju dan buku	-Peminjam hendaklah memulangkan kembali barang yang dipinjam dalam bentuk gantian dan bukan merupakan benda yang asal. Misalnya, A memberi pinjaman RM1,000 kepada B. Selepas tempoh tertentu B dikehendaki memula-ngkan kembali nilai wang yang sama iaitu RM1,000 dan bukan memulangkan wang kertas yang asal

Pinjaman

Larangan Riba`

Kesimpulan

-Umat Islam dianjurkan untuk menjalani kehidupan secara bersederhana dan bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah atas daya usaha masing-masing

-Mereka diseru agar berhati-hati ketika membuat pinjaman kewangan agar tidak terjebak dalam kancah hutang yang bukan sahaja bertentangan dengan aspek perund-angan negara malah melampaui batas--batas murni yang digariskan oleh Islam

-Islam telah mensyariatkan instrumen pemberian pinjaman kewangan yang tidak membebankan pengguna menerusi prinsip alqard al-hasan

Rukun	Hukum	Objektif
1. Pemiutang	-Sunat, memberi pinjam kepada yang memerlukan	-Membantu golongan yang memerlukan
2. Penghutang	-Harus, berhutang untuk membeb-askan diri dari	-Merapatkan jurang perbezaan di antara orang kaya dan miskin
3. Barang atau harta yang dipinjam		-Memupuk semangat persaudaraan
4. Sighah		

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 275:

Terjemahan: "Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengat-akan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba

By **Adilah**
cheatography.com/adilah/

Published 16th June, 2020.
Last updated 16th June, 2020.

Sponsored by **Readable.com**
Measure your website readability!
https://readable.com